

UMS terap nilai integriti, bendung isu plagiarisme

NST 6.7.2019 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memandang serius isu yang dilaporkan di media massa baru-baru ini tentang kecurangan akademik berkaitan dengan isu plagiarisme.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, ahli akademik dan pelajar UMS telah sedia maklum akan peraturan dan garis panduan mengenai kecurangan akademik tersebut yang telah dititikberatkan sejak dahulu.

"Perkara pokok dalam isu ini adalah berkaitan dengan soal integriti iaitu dengan erti kata lain, hal ini boleh dianggap sebagai satu bentuk jenayah yang boleh mencemar integriti ahli akademik dan pelajar secara keseluruhannya.

"Ia sekali gus boleh mencemarkan imej universiti khasnya dan pengajian tinggi negara amnya jika tidak ditangani dengan

telus dan penuh keadilan," katanya dalam satu kenyataan hari ini berhubung amalan plagiarisme yang berlaku di institusi pengajian tinggi.

Menurut Dr. D Kamarudin, UMS telah mempunyai mekanisme dalaman dalam mengatasi hal ini yang mana prosedur operasi standard akan segera dilaksanakan jika perkara ini berlaku.

Malah di UMS katanya, proses memperkuatkukuhkan ekosistem berkaitan kawalan integriti adalah satu proses yang berterusan.

"Usaha ini telah diperkuatkukuhkan menerusi penekanan kepada nilai Integriti yang merupakan salah satu daripada lima nilai utama dalam memacu kecemerlangan UMS.

"Manifestasi UMS dalam hal integriti ini juga tampak jelas dengan penubuhan Pe-

jabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) UMS yang juga mengambilberat akan kes-kes plagiarisme ini.

"Jika terdapat laporan mengenai hal seumpama ini, maka pejabat ini boleh berperanan sebagai badan berautoriti untuk mempastikan kecurangan akademik seperti plagiarisme ini dapat segera disiasat dan diadili sewajarnya," jelas Dr. D Kamarudin.

Amnya plagiarisme ialah perbuatan mencedok kata-kata, idea atau karya orang lain tanpa persetujuan penulis asal.

Dalam konteks institusi pengajian tinggi, ia juga merujuk kepada aktiviti penulisan ilmiah seperti penulisan tesis atau artikel jurnal dengan menggunakan pakai hasil kerja pihak lain sebagai hasil kerja sendiri tanpa persetujuan, pengetahuan atau pengiktirafan mereka.